

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 June 2015

Dr. Mahathir bela Tony Pua, persoal PAC

um - 27/6/2015

KUALA LUMPUR 26 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempertahankan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) daripada DAP, Tony Pua yang dikritik kerana berat sebelah dalam proses audit agensi itu terhadap 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Beliau berkata, ahli PAC yang lain juga mewakili parti pemerintah justeru proses audit secara bipartisan tidak boleh dipercayai kerana mereka cenderung kepada haluan politik masing-masing.



DR. MAHATHIR

Selain itu, Dr. Mahathir turut mempersoalkan kredibiliti Jabatan Audit Negara yang turut menjalankan siasatan terhadap 1MDB bagi mencari pelbagai dakwaan yang melingkari syarikat pelaburan strategik itu.

“Mereka kata Tony Pua berat sebelah pada satu pihak sahaja tetapi yang lain adalah daripada UMNO, jadi mereka semua boleh dikatakan berat sebelah.

“Akhirnya PAC mungkin tidak perlu dan Barisan Nasional (BN) akan bertahan sehingga pilihan raya akan datang,” katanya dalam sidang akhbar se-

lepas Majlis Berbuka Puasa Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Bersama Anak-anak Yatim di Kelab Sultan Sulaiman, di sini malam tadi.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, jabatan audit tidak mampu untuk mendedahkan sebarang kesilapan dalam operasi 1MDB kerana juruaudit hanya membaca akaun dan mudah ditipu.

“Audit tidak akan mampu mencari setiap kesalahan, juruaudit hanya membaca akaun. Orang yang menyiapkan akaun boleh menipu jika mereka mahu.

“Mereka boleh melakukan bermacam-macam penipuan supaya audit tidak boleh mengesannya,” katanya.